

23 AUG 2002

Abdullah-Pendapat

KERAJAAN MASIH SEDIA DENGAR PENDAPAT MENGENAI BAHASA INGGERIS

KAJANG, 23 Ogos (Bernama) -- Kerajaan masih sedia mendengar pendapat orang ramai mengenai penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran matematik dan Sains di sekolah-sekolah sungguhpun telah menetap akan melaksanakan dasar itu tahun depan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Yang saya tahu kehendak supaya pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah telah diterima oleh rakyat. Cuma daripada segi pelaksanaannya yang masih perlu dikaji," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang perabot dan hiasan dalaman Kumpulan LCL Sdn Bhd di Beranang, dekat sini, hari ini.

Oleh itu, kata Abdullah, beliau sekali lagi akan mengadakan pertemuan dengan lebih ramai wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) esok bagi mendapatkan pandangan mereka tentang pelaksanaan dasar itu.

Beliau berkata sebelum ini, beliau telah mengadakan pertemuan dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang ramai anggotanya terdiri daripada masyarakat Cina, serta dengan MIC.

Katanya, segala maklumat balas yang diterima akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan.

"Persoalannya sekarang bukan daripada segi dasar tetapi pelaksanaan. Justeru, soal pelaksanaanlah yang akan ditangani," katanya.

Abdullah mengulangi ingatan kepada semua pihak supaya tidak menggunakan isu itu untuk membangkitkan perasaan benci rakyat terhadap kerajaan.

Katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba menghasut rakyat membenci kerajaan dengan menggunakan isu itu.

Terdahulu, Abdullah berkata syarikat-syarikat perkilangan seperti LCL memainkan peranan yang penting dalam memastikan ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan yang positif.

Katanya, pada tahun lepas sektor perkilangan menyumbang hampir 33 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 87 peratus kepada jumlah eksport negara.

Beliau berkata para pengusaha di Malaysia hendaklah sentiasa peka kepada cabaran yang muncul.

Katanya, gelombang liberalisasi mengakibatkan pengusaha tempatan bersaing di peringkat global apabila seluruh kawasan Asean akan menjadi kawasan bebas cukai dengan 10 negara anggotanya dapat menjalankan perdagangan tanpa sebarang sekatan.

Abdullah meminta syarikat-syarikat Malaysia supaya menggunakan sepenuhnya potensi daripada pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dengan mempelajari dan memperkuat jaringan di rantau ini.

Beliau berkata untuk memanfaatkan peluang yang terbit daripada pembentukan AFTA, pengusaha tempatan perlu meningkatkan daya saing masing-masing.

Katanya, pada tahun lepas industri produk berasaskan kayu mencatatkan penurunan daripada segi prestasinya. Walaupun tahap pengeluaran meningkat eksport terjejas berikutan permintaan luaran yang lemah.

Abdullah berkata ini menyebabkan eksport produk berasaskan kayu menurun sebanyak 18.8 peratus kepada RM14.6 bilion tahun lepas berbanding RM17.9 bilion pada tahun sebelumnya.

-- BERNAMA

AKT MFJ NMO